

KISAH NABI IBRAHIM AS MENYEMBELIH ANAKNYA

Nabi Ibrahim AS merupakan salah seorang nabi ulul azmi yang mempunyai tahap kesabaran dan kecekalan yang luar biasa. Nabi Ibrahim AS juga telah diberi gelaran Khalilullah iaitu “Sahabat Allah”. Nabi Ibrahim AS antara nabi yang diberikan ujian yang banyak dan sangat berat. Walaupun begitu, setiap ujian dan tugas itu dilaksanakan dengan sempurna atas dasar ketaatan dan keimanannya yang teguh terhadap Allah SWT. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 124 :

وَإِذِ ابْتَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ رَبُّهُ بِكَلِمَاتٍ فَأَتَمَّهُنَّ ۖ قَالَ إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا ۗ قَالَ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي ۗ قَالَ لَا يَنَالُ عَهْدِي

الظَّالِمِينَ

Maksudnya : *“Dan (ingatlah), ketika Ibrahim diuji Tuhannya dengan beberapa kalimat, lalu dia melaksanakannya dengan sempurna. Dia (Allah SWT) berfirman, “Sesungguhnya Aku menjadikan engkau sebagai pemimpin bagi seluruh manusia.” Dia (Ibrahim) berkata, “Dan (juga) dari anak cucuku?” Allah SWT berfirman, “(Benar, tetapi) janji-Ku tidak berlaku bagi orang-orang zalim.”*

Nabi Ibrahim AS telah berkahwin dengan Sarah namun telah ditakdirkan oleh Allah SWT, mereka masih tidak dikurniakan anak setelah menunggu puluhan tahun lamanya. Walaupun begitu, Nabi Ibrahim tidak pernah berputus asa dan sentiasa memanjatkan doa kepada Allah SWT agar dikurniakan seorang anak yang soleh dan taat serta sentiasa mendampingi dalam usaha dakwah seperti mana dalam Surah as-Shaffat ayat 100 :

رَبِّ هَبْ لِي مِنَ الصَّالِحِينَ

Maksudnya : *“Ya Tuhanku, anugerahkanlah kepadaku (seorang anak) yang termasuk orang-orang soleh.”*

Nabi Ibrahim AS beserta isterinya, Sarah berasa sangat sunyi kerana masih tidak direzekikan untuk mempunyai anak. Kemudian, Nabi Ibrahim AS mengahwini Hajar. Tujuannya adalah supaya dapat mengembangkan generasinya untuk meneruskan perjuangan dalam penyebaran dakwah kepada seluruh umat manusia.

Setelah Nabi Ibrahim mengahwini Hajar, Allah SWT telah memberikan khabar gembira buat mereka dengan mengurniakan seorang anak yang bernama Ismail ketika usia Nabi Ibrahim mencecah 86 tahun. Kelahiran Nabi Ismail sangat menggembirakan orang sekelilingnya terutama Nabi Ibrahim kerana kehadiran cahaya mata sulung itu telah lama dinantikan olehnya. Beberapa tahun kemudian, Nabi Ibrahim AS dikurniakan seorang lagi cahaya mata bersama Sarah iaitu Nabi Ishaq. Nabi Ishaq pula dilahirkan ketika Nabi Ibrahim mencapai ke usia 99 tahun. Penantian yang lama untuk mendapatkan zuriat merupakan antara ujian terbesar yang dilalui Nabi Ibrahim.

Namun ujiannya tidak terhenti setakat itu sahaja apabila Allah SWT memerintahkan Nabi Ibrahim agar meninggalkan Hajar dan anaknya, Nabi Ismail di sebuah lembah yang kering kontang dan tandus yang kini dikenali sebagai Mekah. Nabi Ismail pada ketika itu masih bayi dan mereka hanya dibekalkan dengan sedikit kurma dan air. Pada mulanya Nabi Ibrahim tidak tergamak untuk meninggalkan putera kesayangan dan isterinya di tempat yang tiada tumbuh-tumbuhan di sekitarnya dan tiada pula air yang mengalir. Namun, disebabkan ketaatan dan cintanya kepada Allah SWT lebih tinggi daripada cintanya kepada manusia, Nabi Ibrahim percaya bahawa setiap perintah Allah SWT ada hikmahnya yang Allah SWT akan sentiasa melindungi mereka. Lalu, Nabi Ibrahim terus meninggalkan mereka bersama deraian air mata. Begitu hebat kesabaran dan ketaatan Nabi Ibrahim dalam menghadapi ujiannya dan menerimanya dengan berlapang dada tanpa mempersoalkan segala perintah Allah kerana setiap perkara yang diperintahkan oleh Allah pasti terselit hikmah di sebaliknya.

Tambahan pula, kisah Nabi Ibrahim menyembelih anaknya merupakan satu kisah yang sangat terkenal dan menjadi satu dalil utama pensyariatan ibadah qurban dalam Islam. Melaksanakan ibadah qurban adalah ibadah sunat yang sangat dituntut. Ibadah qurban

adalah ibadah sunat yang sangat disukai Allah SWT. Begitu juga hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah RA, bahwa Nabi SAW telah bersabda:

مَا عَمِلَ آدَمِيُّ مِنْ عَمَلٍ يَوْمَ النَّحْرِ أَحَبَّ إِلَى اللَّهِ مِنْ إِهْرَاقِ الدَّمِ، إِنَّهُ لَيَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِقُرُونِهَا وَأَشْعَارِهَا
وَأُظْلَافِهَا، وَأَنَّ الدَّمَ لَيَقَعُ مِنَ اللَّهِ بِمَكَانٍ قَبْلَ أَنْ يَقَعَ مِنَ الْأَرْضِ، فَطَيَّبُوا بِهَا نَفْسًا

Maksudnya: *“Tidak ada amalan yang dilakukan oleh anak adam pada hari al-Nahr (Raya Aidiladha) yang lebih dicintai oleh Allah selain daripada menumpahkan darah (binatang korban). Sesungguhnya ia akan datang pada hari Kiamat dengan tanduknya, bulunya dan kukunya dan sesungguhnya darah tersebut akan sampai kepada redha Allah SWT sebelum ia jatuh ke bumi. Maka, bersihkanlah jiwa kamu (dengan berkorban).”* Riwayat al-Tirmizi (1493)

Di dalam al-Quran, Allah SWT telah berfirman perihal garis-garis dakwah dan syariat Rasulullah SAW, bahwa risalah yang dibawanya merupakan risalah yang sudah dibawa oleh para nabi sebelumnya. Allah SWT telah berfirman dalam Surah as-Syura ayat 13 :

شَرَعَ لَكُمْ مِنَ الدِّينِ مَا وَصَّى بِهِ نُوحًا وَالَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهِ إِبْرَاهِيمَ وَمُوسَى وَعِيسَى أَنْ
أَقِيمُوا الدِّينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا فِيهِ

Bermaksud: *“Dia (Allah SWT) telah mensyariatkan kepadamu agama yang telah diwasiatkan-Nya kepada Nuh dan apa yang telah Kami wahyukan kepadamu (Muhammad) dan apa yang telah Kami wasiatkan kepada Ibrahim, Musa dan Isa, yaitu tegakkanlah agama (keimanan dan ketakwaan) dan janganlah kamu berpecah belah di dalamnya.”*

Allah juga berfirman dalam Surah an-Nahl Ayat 123 :

ثُمَّ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ أَنْ اتَّبِعْ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ

Bermaksud : *“Kemudian Kami wahyukan kepadamu (Muhammad), “Ikutilah agama Ibrahim yang lurus, dan dia bukanlah termasuk orang musyrik.”*

Justeru itu, pensyariat qurban yang kali pertama telah dilaksanakan oleh Nabi Ibrahim turut menjadi satu syariat pada umat Nabi Muhammad SAW.

Kisah pengorbanan keluarga Nabi Allah Ibrahim AS adalah menjadi lambang keimanan, ketaatan dan kepatuhan yang cukup tinggi seorang hamba di dalam menjunjung perintah Allah SWT. Nabi Ibrahim juga telah menunjukkan bahawa Baginda lebih mengutamakan kepentingan Allah daripada kepentingan dunia, isteri dan anaknya. Jika diikutkan rasa kasih sayang dan cinta seorang ayah, Nabi Ibrahim tidak akan pernah sanggup untuk menyembelih anak kesayangannya itu. Namun, keimanannya yang tinggi kepada Allah SWT membuatkan Baginda sanggup untuk melakukan apa sahaja yang diperintahkan oleh Allah SWT.

Nabi Ibrahim terkenal dengan seseorang yang suka melaksanakan ibadah qurban yang banyak. Ada suatu ketika Nabi Ibrahim menyembelih haiwan qurban sebanyak 1000 ekor kambing 300 ekor lembu dan 100 ekor unta. Sebelum kelahiran Nabi Ismail, Nabi Ibrahim pernah berkata :

كل ما تقرب به ليس بشيء عندي، والله لو كان لي ابت لأذبحته في سبيل الله، وأتقرب به إلى الله تعالى

Bermaksud : *“Semua yang menjadi qurbanku itu belumlah menjadi apa-apa bagiku. Demi Allah, kalau aku mempunyai anak lelaki, tentu aku akan persembahkan juga di jalan Allah dan aku korbankan dia untuk Allah SWT”.*

Sehinggakan perbuatannya itu membuatkan masyarakat dan juga malaikat kagum padanya.

Setelah kelahiran Nabi Ismail, Nabi Ibrahim terlupa akan nazarnya itu. Kemudian Allah telah menuntut nazarnya itu untuk menguji kesabaran dan ketaatannya kepada Allah. Tuntutan nazar tersebut juga telah didatangkan kepada Nabi Ibrahim dalam bentuk mimpi sebanyak 3 kali sebelum Nabi Ibrahim menyedari bahawa mimpi tersebut merupakan

suruhan daripada Allah SWT. Akhirnya, tanpa ragu-ragu Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail menjalankan suruhan Allah itu yang mana membuktikan ketaatan dan keimanan mereka terhadap Allah SWT.

Nabi Ibrahim telah mendapat perintah untuk menyembelih anaknya melalui mimpi. Pada malam yang pertama iaitu pada Hari Tarwiyah, Nabi Ibrahim telah bermimpi Baginda menyembelih anaknya. Tarwiyah ialah pada 8 Zulhijjah dan membawa maksud berpikir atau merenung. Maka, Hari Tarwiyah disebut juga hari merenung, berpikir, dan keragu-raguan di mana selepas pada itu Baginda berfikir sama ada mimpi tersebut adalah datangnya dari Allah SWT atau hanyalah mainan syaitan. Nabi Ibrahim telah bermimpi pada kali kedua iaitu pada 9 Zulhijjah dan dinamakan Hari Arafah yang bermaksud mengetahui di mana Baginda telah mendapat tahu dan yakin bahawa mimpi tersebut merupakan dari Allah SWT. Pada hari yang berikutnya Nabi Ibrahim masih bermimpi situasi yang sama dan pada 10 Zulhijjah, Nabi Ibrahim telah mengambil keputusan untuk melaksanakan mimpi tersebut iaitu dengan menyembelih anaknya. 10 Zulhijjah digelar Nahru yang bermaksud sembelih kerana Nabi Ibrahim yakin bahawa Allah memerintahkan Baginda untuk melakukan penyembelihan. Penceritaan mimpi Nabi Ibrahim ini juga turut disebut di dalam al-Quran. Firman Allah dalam Surah as-Shaffat ayat 102 :

قَالَ يَبْنَئِ إِنِّي أَرَىٰ فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ فَأَنْظُرْ مَاذَا تَرَىٰ ۚ قَالَ يَا بَتِ أَيْمَنُ الْمَعِينِ إِنِّي أَرَىٰ سِتْرًا مِّنْ سِتْرِ اللَّهِ إِن شَاءَ اللَّهُ مِنْ

الصَّابِرِينَ

Bermaksud : *Ibrahim berkata, "Hai Anakku, sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahwa aku menyembelihmu. Maka pikirkanlah apa pendapatmu!" Ia menjawab, "Hai Bapakku, kerjakanlah apa yang diperintahkan kepadamu; insya Allah kamu akan mendapatiku termasuk orang-orang yang sabar."*

Mimpi Nabi Ibrahim merupakan wahyu daripada Allah SWT. Allah telah menyampaikan wahyu kepada nabi-nabiNya melalui pelbagai cara seperti contoh melalui perantaraan

Malaikat Jibril atau secara lain seperti mimpi yang baik dan benar. Diriwayatkan oleh Ibn Abi Hatim dan disebutkan oleh Al-Tirmidzi dalam Manaqib Umar bin Al-Khattab:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "رُؤْيَا الْأَنْبِيَاءِ فِي الْمَنَامِ وَحْيٌ"

Bermaksud : *Dari Ibnu Abbas RA yang mengatakan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda: "Mimpi para nabi itu merupakan wahyu".*

Walaupun demikian, terdapat beberapa pendapat dan pandangan berkenaan siapakah Nabi yang disembelih sama ada Nabi Ismail atau Nabi Ishaq. Pendapat yang pertama mengatakan anak yang disembelih pada ketika itu ialah Nabi Ismail AS. Inilah pendapat sebahagian sahabat seperti Abu Hurairah RA, Ibn Abbas RA, Sa'id bin Jubair, al-Sya'bi, Ahmad bin Hanbal, Ibn Taimiyyah, Ibn Kathir dan ramai lagi. Pendapat kedua pula mengatakan bahawa yang disembelih ialah Nabi Ishaq AS. Ini telah dihikayatkan daripada Umar Ibn al-Khattab, Ali, Ibn Abbas dalam satu riwayat, Ibn Umar dalam satu riwayat, Jabir dan juga Muqatil, al-Suddi, Atha', Malik bin Anas, al-Tabari dan lain-lain. Manakala terdapat juga ulama tawaquf dan tidak membahaskan perkara ini.

Pendapat yang sahih adalah yang pertama yakni Nabi Ismail AS. Ini berdasarkan kepada ayat al-Quran dalam Surah Hud ayat 71 :

فَبَشَّرْنَاهَا بِإِسْحَاقَ وَمِنْ وَرَاءِ إِسْحَاقَ يَعْقُوبَ

Bermaksud : *"Maka Kami pun memberikan berita yang menggembirakan kepadanya (melalui malaikat itu), bahawa ia akan mendapat seorang anak: Ishak, dan sesudah Ishak, (ia pula akan mendapat seorang cucu): Yaakub".*

Dalil ini menunjukkan bahawa hanya Nabi Ismail AS sahaja ada dan belum lagi adanya Nabi Ishaq AS pada ketika itu. Allah juga telah menyifatkan Nabi Ishaq sebagai *ghulam* 'alim (yang cerdik) seperti dalam firman Allah SWT dalam Surah al-Hijr ayat 53 :

إِنَّا نُبَشِّرُكَ بِغُلَامٍ عَلِيمٍ

Bermaksud : *Sesungguhnya kami memberi kabar gembira kepadamu dengan (kelahiran seorang) anak laki-laki (yang akan menjadi) orang yang alim.*

Sedangkan Allah sifatkan Nabi Ismail dengan *ghulam halim* (yang lemah lembut lagi berbakti kepada bapanya) dan sifat ini sangat sesuai dengan Nabi Ismail yang mentaati perintah Tuhannya, membenarkan mimpi ayahnya, tidak marah dan tidak membangkang. Sepertimana Allah SWT telah berfirman dalam Surah as-Saffat ayat 101 :

فَبَشِّرْنَاهُ بِغُلَامٍ حَلِيمٍ

Bermaksud : *Maka Kami beri dia kabar gembira dengan seorang anak yang amat sabar.*

Kisah sembelihan ini juga telah berlaku di Mekah tanpa *khilaf* (perselisihan) dan tiada nasab menunjukkan Nabi Ishaq AS pergi ke Mekah kerana Nabi Ishaq telah tinggal di Palestin. Justeru itu, tarjih berdasarkan kepada dalil al-Quran, hadis dan yang masyhur dalam kalangan para sahabat, tabi'in dan lainnya bahawa yang kena sembelih ialah Nabi Ismail AS.

Apabila Nabi Ibrahim sudah mendapat kepastian bahawa mimpi yang dialami itu merupakan wahyu daripada Allah, dia terus menyampaikan mimpi tersebut kepada anaknya, Nabi Ismail. Menurut Muhammad bin Ka'ab dalam tafsir al-Qurthubi, beliau mengatakan bahawa wahyu Allah boleh datang kepada para nabi dalam keadaan tidur atau terjaga kerana meskipun mereka tidur, secara dasarnya hatinya tidak pernah tidur. Setelah itu, Nabi Ismail menyatakan bahawa dia bersedia untuk disembelih sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah kerana ketaatannya kepada Allah SWT dan ayahnya, Nabi Ibrahim. Firman Allah dalam Surah as-Shaffat ayat 102 :

قَالَ يَا بَتِ افْعَلْ مَا تُؤْمَرُ

Maksudnya : *Nabi Ismail menjawab: "Hai bapaku, kerjakanlah apa yang diperintahkan kepadamu"*

Nabi Ismail pada ketika itu sudah sampai ke usia baligh. Baginda telah berumur 7 tahun dan ada juga yang mengatakan Baginda berumur 13 tahun. Namun secara jelas pada ketika itu Baginda telah membesar menjadi dewasa, mampu keluar untuk pergi bekerja, berjalan dan menolong ayahnya, Nabi Ibrahim. Firman Allah SWT dalam Surah as-Shaffat ayat 102 :

فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ

Bermaksud: *“Maka tatkala anak itu sampai (pada umur sanggup) berusaha bersama-sama Ibrahim”*.

Penggunaan kalimah السَّعْيَ dalam ayat ini bermaksud berusaha. Maknanya pada usia seseorang itu sudah boleh membuat kerja-kerja. Diriwayatkan dari Ibnu Abbas RA, Mujahid, Ikrimah, Sa'id ibnu Jubair, Ata Al-Khurrasani, dan Zaid ibnu Aslam, السَّعْيَ membawa maksud telah tumbuh dewasa dan dapat bepergian serta mampu bekerja dan berusaha sebagaimana yang dilakukan ayahnya.

Apabila telah tiba waktu penyembelihan tersebut, Nabi Ismail sempat berpesan agar mengikatnya dengan tali dan memalingkan wajahnya ke tanah supaya tidak timbul rasa kasihan Nabi Ibrahim kepadanya ketika melaksanakan penyembelihan itu. Selain itu, Nabi Ismail turut berpesan agar menajamkan pisau yang akan digunakan supaya proses tersebut berjalan dengan mudah dan cepat. Setelah kedua-duanya berserah diri kepada Allah, Nabi Ibrahim mula menjalankan perintah Allah itu. Firman Allah SWT dalam Surah as-Shaffat ayat 103 :

فَلَمَّا أَسْلَمَا وَتَلَّهُ لِلْجَبِينِ

Maksudnya : *“Tatkala keduanya telah berserah diri dan Ibrahim membaringkan anaknya atas pelipis(nya), (nyatalah kesabaran keduanya)”*.

Kemudian, apabila Nabi Ibrahim telah membaringkan Nabi Ismail dengan wajahnya menghadap tanah dan ingin menyembelih anaknya itu, Allah berfirman dalam Surah as-Shaffat ayat 104-105 :

وَنَدَيْنَاهُ أَنْ يَا إِبْرَاهِيمُ ﴿١٠٤﴾ قَدْ صَدَّقْتَ الرُّؤْيَا ۚ إِنَّا كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya : *“Dan Kami panggillah dia: “Hai Ibrahim, sesungguhnya kamu telah membenarkan mimpi itu sesungguhnya demikianlah Kami memberi balasan kepada orang-orang yang berbuat baik.”*

Ayat ini menceritakan bahawa Nabi Ibrahim telah menunaikan suruhan Allah yang disampaikan melalui mimpi dengan menzahirkan tindakan membaringkan anaknya untuk disembelih. Ada juga riwayat lain daripada al-Suddi dan yang lain mengatakan bahawa Nabi Ibrahim telah meletakkan pisau pada leher anaknya dan telah menjalankan sembelihan itu namun tidak berhasil walaupun telah dicuba beberapa kali. Hal ini demikian kerana terdapat tembaga yang menghalangi pisau tersebut daripada terkena pada leher Nabi Ismail. Kemudian, pada saat itulah telah datang wahyu Allah bahawa Dia telah menggantikan Nabi Ismail dengan seekor kibash (kambing) yang sempurna tanpa cacat sedikitpun. Sebagaimana firman Allah dalam Surah as-Shaffat ayat 107 :

وَقَدَيْنَاهُ بِذَبْحٍ عَظِيمٍ

Maksudnya : *“Dan kami tebus anak itu dengan seekor sembelihan yang besar.”*

Sufyan at-Tsauri menceritakan daripada Jabir al-Ju’fi dari Abuth Thufail dari 'Ali RA bahawa binatang tersebut merupakan seekor kibash jantan yang berwarna putih, mempunyai mata yang bagus dan bertanduk besar. Allah menggantikan Nabi Ismail dengan seekor kibash yang berasal dari syurga. Kibash ini juga merupakan haiwan sembelihan yang dikorbankan oleh Habil iaitu anak kepada Nabi Adam AS yang mana korbannya itu diterima oleh Allah. Kemudian kibash tersebut diangkat ke syurga dan dijaga selama 40 tahun di sana. Kibash yang sama ini juga telah diturunkan semula ke bumi ketika peristiwa pengorbanan Nabi Ismail dan menggantikannya saat dirinya ingin

disembelih oleh Nabi Ibrahim atas perintah Allah. Kisah Habil mempersembahkan qurban yang diterima Allah itu telah difirmankan oleh Allah dalam Surah al-Maidah ayat 27 :

وَأَنْزَلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ ابْنَيْ آدَمَ بِالْحَقِّ إِذْ قَرَّبَا قُرْبَانًا فَتُقُبِّلَ مِنْ أَحَدِهِمَا وَلَمْ يُتَقَبَّلْ مِنَ الْآخَرِ قَالَ لَأَقْتُلَنَّكَ ۗ قَالَ إِنَّمَا

يَتَقَبَّلُ اللَّهُ مِنَ الْمُتَّقِينَ

Maksudnya : “Ceritakanlah kepada mereka kisah kedua putera Adam (Habil dan Qabil) menurut yang sebenarnya, ketika keduanya mempersembahkan korban, maka diterima dari salah seorang dari mereka berdua (Habil) dan tidak diterima dari yang lain (Qabil). Ia berkata (Qabil): “Aku pasti membunuhmu!”. Berkata Habil: “Sesungguhnya Allah hanya menerima (korban) dari orang-orang yang bertakwa”.

Sesungguhnya kisah pengorbanan keluarga Nabi Ibrahim AS adalah manifestasi lambang ketundukan, ketaatan dan kepatuhan yang cukup tinggi daripada seorang hamba di dalam mentaati perintah Allah SWT. Kisah pengorbanan mereka telah menjadi pengetahuan umum kepada seluruh umat Islam.

Allah SWT telah berfirman dalam Surah al-Hajj ayat 37 :

لَنْ يَنَالَ اللَّهُ خُومُهَا وَلَا دِمَاؤُهَا وَلَكِنْ يَنَالُهُ التَّقْوَىٰ مِنْكُمْ كَذَلِكَ سَخَّرَهَا لَكُمْ لِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَاكُمْ ۗ وَبَشِّرِ

الْمُحْسِنِينَ

Bermaksud : “Daging (haiwan qurban) dan darahnya itu sekali-kali tidak akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepada-Nya adalah ketakwaan kamu. Demikianlah Dia menundukkannya untuk-mu agar kamu mengagungkan Allah atas petunjuk yang Dia berikan kepadamu. Dan sampaikanlah kabar gembira kepada orang-orang yang berbuat baik.”

Terdapat beberapa pengajaran dan pelajaran yang boleh diperoleh daripada kisah pengorbanan keluarga Nabi Ibrahim AS. Antaranya:

1. Setiap mukmin yang mengaku beriman pasti akan diuji oleh Allah SWT. Para Nabi dan Rasul adalah orang yang paling kuat menerima ujian daripada Allah SWT. Ujian yang ditimpakan oleh Allah SWT kepada hambanya adalah merupakan peringatan, teguran, penghapusan dosa dan juga untuk mengangkat darjat manusia sekiranya manusia tersebut akur, patuh serta kembali bertaqwa kepada Allah SWT.

2. Kewajiban untuk mentaati perintah Allah SWT dan mendahulukan perintah Allah SWT kerana rasa cinta dan kasih kepadaNya mengatasi kecintaan terhadap dunia dan keluarga.

3. Mencontohi dan meneladani kehidupan keluarga bahagia Nabi Ibrahim AS yang dibina atas dasar keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT sehingga akhirnya dapat menuju kepada syurga Allah bersama-sama.

Semoga Allah SWT mengurniakan ilmu dan kefahaman kepada kita. Amin.

RUJUKAN

Abdullah bin Muhammad bin Abdul Rahman bin Ishaq Al-Sheikh (1414H), *Lubabut Tafsir Min Ibni Katsir*, Muassasah Dar al-Hilal Cairo, Mesir.

Abu al-Fiḍa Imad Ad-Din Ismail ibn 'Umar ibn Kathir al-Qurashi Al-Damishqi (1420H), *Tafsir al-Quran al-Azim* (Tahqiq: Sami bin Muhammad Salamah), Bayrut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Sheikh Usman bin Hasan bin Ahmad As-Syakir al-Khaubawiyi (1372H), *Durratun Nashihin fi Al-Wa'zhi wa al-Irsyad*, Penulisan dan Penerbitan Mustafa Al-Babi Al-Halabi, Mesir.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (15 September 2017), *Bayan Linnas Siri Ke- 114: Ibadah Korban: Menjawab Dakwaan Siti Kassim* <https://muftiwp.gov.my/Artikel/Bayan-Linnas/666-Bayan-Linnas-Siri-Ke-114-Ibadah-Korban-Menjawab-Dakwaan-Siti-Kassim>

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (24 November 2018), *Al-Kafi #920: Siapakah Anak Nabi Ibrahim AS Yang Disembelih* <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2804-al-kafi-920-siapakah-anak-nabi-ibrahim-as-yang-disembelih>

Celik Tafsir (8 Julai 2019) <https://celiktafsir.net/2018/02/10/saffat-ayat-91-102/>

Celik Tafsir (9 Julai 2019) <https://celiktafsir.net/2018/02/12/saffat-ayat-103-113/>